

PEJABAT PENGARAH

RUJUKAN : PSIS/100-1/10 Jilid 2 (24)		Tarikh: 12 Jun 2020
Perkara	KEBENARAN PELAJAR MEMASUKI POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH UNTUK TUJUAN RASMI DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)	
Kepada	Semua Penghuni Kolej Kediaman PSIS	
Daripada	PENGARAH	s.k : i) TPA/TPSA ii) Ketua Jabatan/KS/KU iii) Unit Kewangan iv) Felo Asrama v) Pengawal Keselamatan

Dengan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada surat JPPKK.BIPD.600-3/1/3 (5) bertarikh 1 Mei 2020, mengenai **Kalender Akademik 2019/2020 Pindaan Mei 2020**, diimklumkan bahawa Pengajian Sesi Jun 2020 akan bermula seperti berikut:

- a. Pelajar Baharu (Semester 1) **bermula 03.08.2020**
- b. Pelajar Lama **bermula 10.08.2020**

3. Pihak KPT, melalui surat JPT (A) 1000/001/019/01 Jld 20 (67) bertarikh 3 Jun 2020, **Pengendalian Aktiviti Akademik Kampus di Institusi Pengajian Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** memaklumkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020, dengan pelajar semester 1, semester 4 (Kecuali Jabatan Perdagangan) dan semester 5 sahaja yang akan berada di kampus.

4. Sehubungan dengan itu, Pihak Pengurusan PSIS telah bersetuju memberi kebenaran kepada para pelajar **mulai 16 Jun 2020 mengikut jadual yang ditetapkan seperti di Lampiran 1** untuk hadir melaksanakan urusan seperti berikut:

- a) Pengambilan Barang Peribadi di Kolej Kediaman;
- b) Pemulangan Kunci Bilik di Pejabat Kolej Kediaman;
- c) Pemulangan Buku di Perpustakaan (sekiranya ada);
- d) Urusan Denda Terus di Unit Kewangan (sekiranya ada);
- e) Urusan Peperiksaan di Unit Peperiksaan (sekiranya ada);
- f) Urusan Latihan Industri di Unit Perhubungan Latihan Industri (sekira berkaitan)
- g) Urusan Pengambilan Sijil MUET di Jabatan Pengajian Am (sekiranya berkaitan); dan
- h) Lain-lain urusan rasmi (jika berkenaan).

5. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- a) Pematuhan terhadap **Jadual Urusan Pengambilan Barangan Peribadi & Pemulangan Kunci Bilik Kolej Kediaman** seperti di Lampiran 1;
 - b) Pematuhan sepenuhnya terhadap **Garis Panduan Urusan Pengambilan Barangan Peribadi & Pemulangan Kunci Bilik Kolej Kediaman** seperti di Lampiran 2, selaras dengan Prosedur Kerja Selamat Pencegahan Covid-19 di Politeknik Sultan Idris Shah semasa hadir ke PSIS; dan
 - c) Pelajar digalakkan **membuat temujanji** terlebih dahulu bagi urusan berkaitan perkara di perenggan 4 (e) dan 4 (f) seperti di atas.

6. Sukacita juga dimaklumkan untuk perhatian kepada para pelajar yang menginap di Kolej Kediaman akan perkara seperti berikut:

Jawatankuasa Pemilihan Menduduki Kolej Kediaman bagi sesi Jun 2020 telah memutuskan bahawa pelajar yang berjaya dalam permohonan menduduki kolej kediaman akan ditempatkan di bilik yang sama seperti sesi Disember 2019. Sehubungan dengan itu, pelajar semester 4 (kecuali pelajar Jabatan Perdagangan) dan semua pelajar semester 5 sesi Jun 2020 adalah dinasihatkan untuk membuat temujanji dengan Pejabat Kolej Kediaman sekiranya ada keperluan untuk mengambil barangan peribadi yang penting sahaja; dan

7. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan perkara tersebut di atas, pertanyaan boleh diajukan kepada Pejabat Kolej Kediaman di talian **03-32806200 ext. 6285/6284/6283**. Kerjasama dan perhatian semua pelajar adalah amat dihargai untuk mematuhi semua ketetapan seperti di atas bagi memastikan keselamatan semua pihak di dalam usaha menghadapi ancaman wabak Covid-19.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ISHANUDDIN BIN HUSSIN)

Samb : 6201

Email : lshanuddin@psis.edu.my

**JADUAL URUSAN PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI &
PEMULANGAN KUNCI BILIK KOLEJ KEDIAMAN**

FASA 1	TARIKH	HARI	MASA	JABATAN	SEM/PROGRAM
FASA 1	16-Jun	Selasa	9.00pg-1.00tgh	JP	SEM 6
			2.00ptg-4.30ptg	JKA	SEM 6 KE ATAS
	17-Jun	Rabu	9.00pg-1.00tgh	JPH	SEM 6
			2.00ptg-4.30ptg	JTMK&JKE	SEM 6 KE ATAS
	18-Jun	Khamis	9.00pg-1.00tgh	JP	SEM 4 (DIB)
			2.00ptg-4.30ptg	JP	SEM 4 (DSK)
	19-Jun	Jumaat	9.00pg-1.00tgh	JP	SEM 3 (DIB)
			2.00ptg-4.30ptg	JP	SEM 3 (DSK)

FASA 2	22-Jun	Isnin	9.00pg-1.00tgh	JPH	SEM 3 (DHF)
			2.00ptg-4.30ptg	JPH	SEM 3 (DUP)
	23-Jun	Selasa	9.00pg-1.00tgh	JKA	SEM 3 (DKA & DSB)
			2.00ptg-4.30ptg	JKA	SEM 3 (DAS)
	24-Jun	Rabu	9.00pg-1.00tgh	JKE	SEM 3 (DTK)
			2.00ptg-4.30ptg	JKE	SEM 3 (DEP)
	25-Jun	Khamis	9.00pg-1.00tgh	JTMK	SEM 3

FASA 3	29-Jun	Isnin	9.00pg-1.00tgh	JP	SEM 2 (DIB)
			2.00ptg-4.30ptg	JP	SEM 2 (DSK)
	30-Jun	Selasa	9.00pg-1.00tgh	JPH	SEM 2 (DHF)
			2.00ptg-4.30ptg	JPH	SEM 2 (DUP)
	1-Jul	Rabu	9.00pg-1.00tgh	JKA	SEM 2
			2.00ptg-4.30ptg	JKE	SEM 2

Note:

Untuk makluman, semua pelajar semester 4 (kecuali pelajar JP) dan semua pelajar semester 5 yang ditawarkan penginapan di Kolej Kediaman akan ditempatkan di bilik yang sama seperti sesi Dis 2019. Sekiranya ada keperluan mengambil barang yang penting sahaja, pelajar dinasihatkan untuk membuat temujanji dengan Pejabat Kolej Kediaman.



ISHANUDDIN BIN HUSSIN
Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah
Bahau, Bernam, Selangor

12.06.2020

**GARIS PANDUAN URUSAN PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI & PEMULANGAN
KUNCI BILIK KOLEJ KEDIAMAN**

SEBELUM

1. Pelajar perlu hadir sendiri bagi tujuan pengambilan barang peribadi dan daftar keluar bilik mengikut jadual ditetapkan; (rujuk lampiran 1)
2. Hanya pelajar dan seorang (1) waris sahaja dibenarkan berada di kawasan politeknik;
3. Penghuni dan waris yang hadir digalakkan memakai penutup muka dan kerap menggunakan senitizer atau membasuh tangan;
4. Pelajar dan waris perlu memastikan tidak mempunyai gejala Covid-19 seperti demam, batuk, selsema dan sesak nafas sebelum hadir ke politeknik;
5. Peraturan lalulintas dan kenderaan pelajar di dalam kampus sedia ada perlu dipatuhi. Hanya kenderaan yang dibawa oleh waris/penjaga sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus;

SEMASA

6. Penghuni dan waris **DIWAJIBKAN** membuat saringan suhu badan di pondok pengawal keselamatan sebelum dibenarkan memasuki kampus. Penghuni dan waris yang sakit atau bacaan suhu badan melebihi atau sama 37.5°C atau bergejala Covid-19 (demam, batuk, selsema dan sesak nafas) tidak dibenarkan memasuki kampus;
7. Pelajar perlu membawa kad matrik dan mengisi borang saringan;
8. Penjaga/pengiring **TIDAK DIBENARKAN** memasuki bilik pelajar;
9. Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang disediakan semasa berada di kampus termasuk penggunaan ruang parkir yang ditetapkan;

SELEPAS

10. Pelajar mesti memastikan bilik dalam keadaan bersih dan kemas sebelum menyerahkan kunci di Pejabat Kolej Kediaman serta menandatangani buku daftar serah kunci;
11. Peraturan penjarakan sosial yang ditetapkan oleh kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi sepanjang berada di Politeknik.

Sebarang pertanyaan:

Sila hubungi Pejabat Kolej Kediaman di talian: 03-32806200 ext. 6285 / 6284 / 6283



ISHANUDDIN BIN HUSSIN
Pegawai
Politeknik Sultan Idris Shah
Kampus Borneo, Selangor

12.06.2020